

23 JUN 1997

#### LAGI SYARIKAT BRITISH NAK SERTAI MSC

KUALA LUMPUR, 23 Jun (Bernama) -- Usaha Malaysia dalam memasarkan Koridor Raya Multimedia (MSC) yang menelan belanja berjuta-juta ringgit di Eropah dan London baru-baru ini menghasilkan minat yang cukup memberangsangkan di kalangan para pelabur Britain.

Menteri dari Jabatan Perdagangan dan Industri, United Kingdom, Lord Clinton-Davis berkata lawatan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamed ke London pada Mei lalu bagi mendapatkan sokongan menjayakan MSC adalah berjaya.

Banyak syarikat Britain, serta yang ternama seperti British Telecom, kini menunjukkan minat yang tidak berbelah bagi terhadap konsep keseluruhan MSC, tambahnya.

"Mereka menghantar pasukan untuk mengkaji dengan lebih lanjut dan kami menjangka sebilangan syarikat Britian akan terbabit dalam koridor itu tidak lama lagi," katanya kepada pemberita selepas melakukan kunjungan hormat menteri perdagangan antarabangsa dan industri, Datuk Seri Rafidah Aziz di sini hari ini.

Semasa kunjungan tersebut, Davis telah diiringi oleh Pesuruhjaya Tinggi Britain ke Malaysia, David Moss dan pengarah jabatan perdagangan dan industri rantau Asia Tenggara, Brandon Doyle.

Sambutan terhadap MSC cukup menggalakkan dengan purata 16 hingga 20 permohonan sebulan telah diterima dari syarikat untuk menyertai dalam koridor tersebut.

Setakat ini, 14 syarikat asing telah diberi status MSC dengan setiap satu melabur antara AS\$20 juta (RM50 juta) dan AS\$100 juta (RM250 juta).

Di samping MSC, perbincangan dengan Rafidah juga termasuk perkara seperti dasar Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO) dan isu-isu tertentu, terutamanya persekitaran perdagangan dalam Kesatuan Eropah.

"Kami juga sedang meninjau kemungkinan mengada usaha sama dan perikatan antara Malaysia dan Britain sementara memperbaiki yang sedia ada," katanya.

Dengan lawatan ini, katanya jumlah dagangan dan pengaliran barangan pelaburan serta perkhidmatan, dan bidang kerja sama lain antara kedua-dua buah negara berkenaan, dijangka terus meningkat dan diperluaskan lagi.

Antara projek yang sedang dijalankan yang menarik penyertaan Britain termasuklah lapangan terbang antarabangsa KL di Sepang, transit rel ringan, Kuala Lumpur City Centre dan projek tenaga elektrik di Pasir Gudang dan Serdang.

Bagi tempoh tiga bulan pertama tahun ini, eksport Malaysia ke Britain berjumlah RM1.617 bilion manakala import bernilai RM1.242 bilion dengan jumlah dagangan bernilai RM2.860 bilion.

Eksport utama Malaysia ke Britain termasuklah separa konduktor dan tiub, litar sepadu dan alat ganti, mesin pemprosesan data automatik dan unit, alat ganti dan aksesori untuk mesin pejabat, kelengkapan telekomunikasi dan alat penerimaan siaran radio. -- BERNAMA

AA MA/sia